

PM lawat Sabah

KOTA KINABALU: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mengadakan lawatan kerja ke negeri ini selama dua hari, bermula di Sandakan jam 9 pagi hari ini.

Mengikut kenyataan Pejabat Perdana Menteri, sebaik tiba beliau dijadual mengadakan lawatan ke pusat Program Pengurusan Hutan Mapan di Hutan Simpan Dermakot, Kinabatangan, kira-kira enam jam perjalanan dari Sandakan.

Selepas itu, beliau dijangka merasmikan Program Perumahan Rakyat (PPR) di Taman Mesra, Sandakan, jam 3.30 petang, sebelum menghadiri Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Dewan Yu Yuan, Sandakan pada 8 malam.

Pada hari kedua, Perdana Menteri akan melancarkan Ladang Getah Semenanjung Bengkoka, di Kanibongan, Pitas pada jam 9 pagi, sebelum kembali ke Kota Kinabalu bagi menghadiri majlis bersama pegawai kerajaan negeri dan Persekutuan di Dewan Bangkuasi, Dewan Undangan Negeri Sabah, jam 3 petang.

Sebelum berlepas balik ke ibu negara, beliau dijadual menghadiri majlis jamuan bersama Badan Perhubungan Umno negeri di Hotel Pacific Sutera, di sini, bermula jam 8 malam.